

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,  
PENGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]**

**TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) menceburi bidang keusahawanan dalam membantu mereka menambah hasil pendapatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian komited untuk meningkatkan bilangan usahawan negara selaras dengan strategi Dasar Keusahawanan Nasional (DKN2030) dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan menjelang tahun 2030.

2. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) komited untuk memudah cara dan menyediakan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan inklusif kepada semua bakal usahawan termasuk peneroka FELDA untuk menceburi bidang keusahawanan.

3. TEKUN Nasional sebagai salah satu agensi di bawah MEDAC telah melaksanakan inisiatif/program seperti berikut:

(i) **Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN**

Program ini menyediakan pembiayaan menggunakan konsep berkumpulan dengan pembiayaan minima sebanyak RM1,000 hingga maksima RM10,000 bagi pembiayaan pertama serta tempoh pembiayaan 6 bulan hingga 5 tahun;

(ii) **Skim Pembiayaan TEMAN Niaga**

Program ini menyediakan pembiayaan minima RM10,000 hingga maksima RM100,000 dengan tempoh pembayaran balik maksima 10 tahun;

(iii) **Skim Pembiayaan TEMAN Nita**

Skim Pembiayaan Program TemanNita adalah pembiayaan mikro yang digunakan untuk membiayai secara berkumpulan khusus untuk kaum wanita; dan

(iv) **Skim Pembiayaan Kontrak-i**

Skim ini adalah merupakan proses untuk membiayai kontrak dan pembekalan secara terus yang diperolehi daripada Kerajaan

Persekutuan, Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan, Badan Berkanun & GLC.

4. MEDAC melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) turut menyediakan program pembangunan kapasiti bagi bakal usahawan seperti berikut:

- (i) **Kursus Asas Keusahawanan (KAK)**  
Kursus ini dilaksanakan selama dua hari bertujub untuk memberi panduan untuk bakal usahawan menceburi bidang perniagaan
- (ii) **Kursus Asas Industri INSKEN (INBT)**  
Kursus bertujuan untuk membantu usahawan peringkat permulaan/bakal usahawan yang ingin memulakan perniagaan melalui latihan daripada pemain industri.
- (iii) **INSKEN Business Training (IBT)**  
Latihan bertujuan memberi tumpuan kepada pengetahuan teknikal bagi membimbing pengusaha dan memperkuat operasi harian merangkumi aspek pengurusan perniagaan, kewangan, operasi, jualan dan pemasaran (*online & offline*).
- (iv) **Program Agri Coaching & Industry Development Programme (ACID)**  
Program ini mensasarkan seramai 140 usahawan daripada golongan usahawan baharu dan B40 untuk memberi galakan keusahawanan dan menceburi bidang tanaman fertigasi.
- (v) **INSKEN Masterclass**  
Sesi perkongsian dan *networking* oleh pakar-pakar pasaran dan platform sedia ada merangkumi isu semasa, *trend*, statistik dan peluang untuk masuk ke pasaran/platform yang dibincangkan.

Sekian, terima kasih.